KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **19 SEPTEMEBR 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/9/2024
M/SURAT: 7

# Karnival KPDN Sarawak tawar aktiviti menarik

**Ribuan pengunjung dijangka hadir pada program tiga hari bermula esok**

**Kuala Lumpur:** Ribuan pengunjung dijangka mengunjungi Karnival KPDN 2024 Zon Sarawak anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang berlangsung tiga hari, bermula esok hingga 22 September ini di Tapak MetroCity Events Park, Matang, Sarawak.

Bertemakan "Kita Pengguna, Daya Negara," penganjuran Karnival KPDN 2024 ini selari dengan matlamat kementerian dalam menggerakkan agenda besar kepenggunaan yang responsif melalui pendekatan bersemuka secara terus kepada rakyat.

Karnival ini diadakan untuk mempromosikan fungsi dan perkhidmatan yang ditawarkan kementerian serta agensi kepada rakyat dalam meningkatkan kefahaman terhadap hala tuju KPDN, seterusnya membina kepercayaan dan keyakinan antara kerajaan dengan rakyat.

## Sambutan luar biasa

Sebelum ini, Karnival KPDN 2024 telah diadakan di Perlis, Kelantan dan Perak serta mendapat sambutan luar biasa apabila berjaya menarik hampir 100,000 pengunjung.

Sepanjang tiga hari penganjurannya, karnival ini bakal menghangatkan Sarawak dengan pelbagai aktiviti dan pengisian menarik melalui beberapa program yang ditawarkan.

Antara tarikan di Karnival KPDN ini ialah reruai menarik untuk dikunjungi yang membabitkan advokasi kepenggunaan, khidmat nasihat dan pendaftaran pelbagai perkhidmatan kementerian dan agensi seperti ReDI, Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH, aplikasi Price Catcher dan pendaftaran usahawan KPDN.

Terdapat juga reruai penggunaan mesin retort oleh FoodBank, pengnarkmasan alat timbang sukat dan macam-macam lagi dengan pembabitan agensi luar seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain.

Lebih menarik pengunjung boleh menguji ketulenan barang kemas mereka di reruai Penguat Kuasa KPDN.

## Jualan barangan tempatan

Selain itu, terdapat juga pameran dan jualan barangan tempatan daripada usahawan usahawan tempatan menerusi Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM).

Di pentas utama pula, pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung seperti persembahan artis jemputan dan persembahan kebudayaan Sarawak seperti tarian ngajat, tarian alu-alu, alat muzik sape' serta demonstrasi pembuatan kraftangan manik.

Karnival ini turut menganjurkan Bicara Influencer dan Usahawan serta pocket talk daripada bahagian dan agensi di bawah KPDN yang mana akan menerangkan dengan lebih terperinci peranan dan fungsinya.

Pentas utama juga diserikan dengan aktiviti Meet and Greet Bersama Didi and Friends, pertandingan mewarna pelbagai kategori dengan hadiah menarik, pertandingan gusti lengan kategori lelaki dan wanita, pertandingan karaoke KPDN Idol dan aktiviti cabutan bertuah.

Pada karnival ini turut diadakan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) bagi meringankan kos sara hidup rakyat terutama golongan B40, pesara dan warga emas yang berpeluang mendapatkan barangan keperluan asas pada harga jauh lebih rendah berbanding di pasaran.

Selain itu terdapat juga gerai makanan yang akan menyediakan Menu RAHMAH yang terdiri daripada pelbagai menu serendah RM5.00.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali akan menyempurnakan Majlis Penutup pada 21 September ini pada jam 2 petang.

Rakyat Sarawak, terutama mereka di sekitar Kuching dijemput hadir beramai-ramai ke Karnival KPDN 2024 Zon Sarawak bagi menyertai pelbagai aktiviti menarik yang diadakan serta memanfaatkan perkhidmatan disediakan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 19/9/2024
M/SURAT: 2

# Polis Marin gagalkan cubaan seleweng 800 liter diesel di Miri

**MIRI:** Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 Miri berjaya merampas sejumlah 800 liter minyak diesel bernilai RM2,689 yang disyaki cuba diselewengkan petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam mengesahkan rampasan itu.

Katanya, sekitar jam 1.40 petang sepasukan anggota Unit Risikan Marin Markas Taktikal PPM Wilayah 5 Miri terdiri daripada seorang pegawai dan empat anggota yang menjalankan Ops Taring telah menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda berwarna putih.

"Kenderaan itu yang dipandu seorang lelaki berusia 39 tahun telah ditahan di tepi Jalan Miri-Bypass untuk tujuan pemeriksaan.



**TUMPAS:** Kenderaan pacuan empat roda dengan muatan minyak diesel disyaki diseludup dirampas Polis Marin di Jalan Miri-Bypass petang kelmarin.

"Hasil pemeriksaan dan pengakuan pemandu terbabit mendapati kenderaan pacuan empat roda itu membawa muatan minyak diesel sebanyak 800 liter yang disimpan di dalam tangki kanvas berwarna hijau yang diubah suai," katanya.

Menurut Alexson, ketika disoal siasat awal polis pemandu terbabit gagal mengemukakan sebarang bukti dokumen berkaitan minyak diesel tersebut.

"Berikutan itu, diesel disyaki seludup kemudian dirampas dan suspek ditahan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Manakala nilai keseluruhan barang yang dirampas termasuk kenderaan terbabit dianggarkan berjumlah RM62,680," ujar beliau lanjut.

Sehubungan itu kata Alexson, semua barang kes dan tangkapan diserahkan kepada pegawai penyiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Miri untuk siasatan dan tindakan lanjut.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 19 SEPTEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 19-Sep | Polis Marin gagalkan cubaan seleweng 800 liter diesel | https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/18/polis-marin-gagalkan-cubaan-seleweng-800-liter-diesel | UTUSAN BORNEO |
| 19-Sep | Shopee Digital Platform Up-skilling Summit lengkapkan 1,000 penjual tempatan dengan ilmu peraturan kerajaan | https://www.dagangnews.com/article/shopee-digital-platform-upskilling-summit-lengkapkan-1000-penjual-tempatan-dengan-ilmu-peraturan-kerajaan-41867 | DAGANG NEWS |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT